



## **TERMA DAN SYARAT BAGI PEKEDAI / PERUNCIT / PEMOHON BERDAFTAR DI BAWAH PROGRAM NUR@PETRA**

---

Mana-mana Pemohon yang ingin mendaftar sebagai Pecedai/Peruncit/Pemohon berdaftar untuk Program Nikmat Untuk Rakyat (NUR@PETRA) hendaklah mematuhi terma dan syarat sebagai Pecedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar. Terma dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah:

### **1. PERMOHONAN**

1.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://nur.seda.gov.my>.

1.2 Permohonan hanya akan diproses oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) Malaysia setelah semua maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap telah dimuat naik dan telah dihantar dalam laman sesawang Program NUR sebagaimana yang dinyatakan dalam Panduan dan Tatacara Tuntutan sebagai Pecedai/Peruncit/Pemohon e-Rebat di bawah Program NUR@PETRA (Panduan dan Tatacara Program NUR@PETRA).

1.3 **SEDA Malaysia berhak meluluskan atau menolak mana-mana permohonan** pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan tersebut adalah muktamad.

## **2. KRITERIA PEKEDAI/PERUNCIT/PEMOHON**

2.1 Pekedai/Peruncit (Domestik) hendaklah merupakan sebuah syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan masih aktif serta mempunyai alamat berdaftar dan alamat perniagaan di Malaysia.

2.2 Pemohon (PMKS) hendaklah mempunyai Sijil Akaun Status PMKS yang dikeluarkan dan masih aktif di bawah SME Corp.

## **3. TANGGUNGJAWAB PEKEDAI / PERUNCIT BERDAFTAR / PEMOHON**

Mana-mana pemohon yang telah diluluskan sebagai Pekedai/Peruncit/Pemohon berdaftar hendaklah mengikut syarat-syarat seperti berikut:

- a) Terma dan Syarat serta Panduan dan Tatacara Program NUR@PETRA perlu dipatuhi;
- b) **Semua pembeli/pemohon memenuhi kelayakan Program NUR@PETRA** seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Program NUR@PETRA sebelum membuat permohonan melalui sistem NUR;

- c) Pastikan **pembeli (Domestik) menggunakan kad pengenalannya sendiri dan berwarna biru** semasa membuat pembelian dengan Pkedai/Peruncit Berdaftar;
- d) Pkedai/Peruncit berdaftar membantu pembeli (Domestik) membuat permohonan e-Rebat melalui akaun Pkedai/Peruncit berdaftar dan memastikan maklumat yang dinyatakan adalah tepat dan betul;
- e) Pkedai/Peruncit berdaftar/Pemohon perlu memastikan maklumat pembelian bagi setiap produk yang dinyatakan adalah sama seperti di dalam bukti pembelian;
- f) Sekiranya pembeli (domestik) memenuhi semua kelayakan Program NUR@PETRA, Pkedai/Peruncit berdaftar perlu memberikan e-Rebat RM200 secara terus (*at the purchasing point*) sewaktu urusan pembelian dijalankan kepada pembeli;
- g) Pemohon yang memenuhi kelayakan Program NUR@PETRA untuk kategori PMKS boleh membuat pembelian dan layak mendapat e-Rebat sehingga RM4,000 (bersamaan 20 unit);
- h) Pemohon (PMKS) hanya boleh membuat **tuntutan e-Rebat sekali sahaja (one-off)**; dan
- i) Permohonan tuntutan e-Rebat bagi domestik sahaja dibuat melalui akaun Pkedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar selaras

dengan Tatacara Permohonan dan Penebusan e-Rebat bagi Program NUR@PETRA.

- j) Memastikan semua maklumat Pekedai/Peruncit/Pemohon berdaftar yang diisi di dalam **profil adalah betul dan aktif terutamanya no telefon orang yang boleh dihubungi dan e-mel** sebagai saluran rasmi.

#### **4. TEMPOH PENYENARAIAAN**

Tempoh penyenaiaan sebagai Pekedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar di bawah Program NUR@PETRA adalah sah sehingga 31 Disember 2025 sahaja.

#### **5. KETIDAKPATUHAN**

5.1 Sekiranya SEDA Malaysia mendapati bahawa Pekedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar tidak mematuhi perenggan 3 Terma dan Syarat, SEDA Malaysia mempunyai hak untuk:

- a) Menolak permohonan tuntutan e-Rebat yang dibuat oleh Pekedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar;
- b) Menggantung atau membatalkan pendaftaran Pekedai/Peruncit/Pemohon berdaftar mengikut ketetapan SEDA Malaysia; atau
- c) Mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya ke atas Pekedai/Peruncit/Pemohon Berdaftar.

5.2 Apa-apa keputusan yang dibuat oleh SEDA Malaysia adalah muktamad. SEDA Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pekedai/Peruncit/Pemohon berdaftar daripada keputusan SEDA Malaysia berhubung dengan ketidakpatuhan tersebut.

## **6. PERKARA AM**

6.1 Bagi maksud Program NUR@PETRA, Pekedai/Peruncit/Pemohon berdaftar hendaklah termasuk pemilik dan pekerjanya; dan

6.2 SEDA Malaysia berhak untuk meminda atau mengemas kini Terma dan Syarat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

SEDA MALAYSIA

Februari 2025